

## Belukar terbakar cemaskan penduduk

**KUALA SELANGOR** - Kejadian kebakaran belukar di kawasan lapang berhampiran Jalan Alam 12, Taman Bayu Alam, di sini malam tadi menimbulkan kebimbangan orang awam.

Insiden kebakaran disedari penduduk yang mahu ke masjid kira-kira jam 7.47 malam itu.

Difahamkan, mereka cuba untuk memadamkan kebakaran namun api semakin marak.

Komander operasi yang juga Pegawai Bomba Kanan II, Roslan Asri berkata, pihaknya menerima panggilan orang awam dan terus bergegas ke lokasi kejadian.

"Seramai tujuh anggota Pasukan C Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Selangor dengan sebuah jentera FRT BBP Kuala Selangor membantu memadamkan kebakaran.

"Kawasan terjejas dianggarkan seluas 0.4 hektar dan jarak lokasi kebakaran dengan rumah penduduk



Kerja pemadaman api dilakukan pasukan C BBP Kuala Selangor, malam tadi.

dalam 100 meter saja. Api cepat marak disebabkan banyak serpihan kayu dalam belukar terbabit," katanya.

Roslan menjelaskan, punca kebakaran masih dalam siasatan dan kerja pemadaman api ditamatkan pada jam 8.21 malam menggunakan 3,600 liter air dalam tangki jentera.

"Saya ingin menasihati

kan kepada orang ramai supaya tidak membuat pembakaran terbuka terutamanya di kawasan berhampiran penempatan penduduk.

"Diharapkan tiada lagi pembakaran terbuka di sini kerana bimbang insiden tidak diingini boleh berlaku lebih-lebih cuaca panas memudahkan kebakaran merebak dengan cepat," katanya.

